

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	6/12/2018



Dr Mahathir bersama pekerja Pos Malaysia Berhad selepas merasmikan Persidangan Kesatuan Pekerja-Pekerja Pakaian Seragam Pos Malaysia Berhad di Shah Alam, semalam.

Kesatuan sekerja perlu peka perubahan

BH-6/12/2018 m/s: 2

➔ **Perluas peranan jadi penghubung pekerja, majikan: PM**

Oleh Khairul Azran Hussin
khaiazr@nstp.com.my

✦ **Shah Alam**

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kesatuan sekerja di negara ini perlu meluaskan peranan dengan tidak lagi sekadar menjadi penganjur piket serta demonstrasi semata-mata.

Perdana Menteri berkata, kesatuan sekerja perlu mengamalkan kesederhanaan, bekerjasama dan bertoleransi dalam semua perkara, sekali gus menjadi penghubung yang baik antara pekerja dan majikan.

“Dalam dunia hari ini, kesatuan sekerja sudah tidak boleh cuma menjadi juara pekerja dengan memberi desakan kepada majikan.

“Peranan kesatuan sekerja hari ini lebih menjurus sebagai penghubung antara pekerja dan majikan. Selain itu, keperluan majikan terhadap pekerja juga turut berubah serta lebih kompleks.”

“Pastinya peranan kesatuan sekerja melangkaui peranan tradisi. Kesatuan sekerja mesti memastikan ahlinya sentiasa berubah seiring dengan perkembangan semasa,” katanya.



Peranan kesatuan sekerja hari ini lebih menjurus sebagai penghubung antara pekerja dan majikan. Selain itu, keperluan majikan terhadap pekerja juga turut berubah serta lebih kompleks”

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

Beliau berucap ketika merasmikan Persidangan Kesatuan Pekerja-Pekerja Pakaian Seragam Pos Malaysia Bhd (UPUS), di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Pos Malaysia Bhd, Datuk Mohammad Zainal Shaari; Ketua Ketua Pegawai Eksekutif Pos Malaysia Bhd, Syed Md Najib Syed Md Noor dan Pemangku Presiden UPUS, Ahmad Tarmizi Taib.

Fahami perubahan berlaku

Dr Mahathir berkata, perubahan teknologi, automasi, robotik dan sebagainya yang begitu cepat, jika tidak ditangani dengan segera akan mengakibatkan pekerja ketinggalan serta menjadi tidak relevan.

“Kesatuan sekerja harus berkeupayaan memahami perubahan yang berlaku serta memainkan peranan untuk memastikan pekerja

tidak tertinggal apabila teknologi dan perubahan mendadak berlaku.

“Dalam konteks Pos Malaysia, saya difahamkan UPUS ditubuhkan sejak 1959 menjadikannya sebagai kesatuan tertua di Malaysia.

“Dengan keahlian UPUS hampir 7,000 orang, tentunya ia sebuah kesatuan yang dominan serta memainkan peranan mencorak keharmonian dalam perhubungan dengan syarikat,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, cabaran masa kini memerlukan semua syarikat mempelbagaikan sektor perkhidmatan bagi memastikan kekal bersaing.

“Saya percaya mana-mana syarikat perlu terus berinovasi untuk terus kekal relevan. Perkara ini juga menuntut barisan kepimpinan dan pekerja berubah demi untuk kepentingan semua,” katanya.